

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN KHAIRY JAMALUDDIN  
[ REMBAU ]**

**SOALAN NO. 429**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian bagi memperkasa peranan guru kaunseling di semua sekolah seluruh negara bagi mengatasi risiko tekanan dan depresi yang mungkin dihadapi oleh pelajar sekolah.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedar akan kepentingan untuk memperkasakan kompetensi guru kaunseling di sekolah. Bagi tujuan tersebut, KPM telah merangka satu pelan khusus bagi melatih para Kaunselor Pendidikan merangkumi pelbagai aspek termasuklah kaedah menangani tekanan dan depresi yang dihadapi oleh murid di sekolah. Pembangunan Kompetensi Kaunselor Pendidikan dilaksanakan mengikut Pelan Operasi Latihan (POL) Kaunselor Pendidikan KPM. POL yang sedang dalam peringkat semakan semula dan akan menjadi garis panduan kepada program latihan kaunselor pendidikan melalui 4 pelan utama yang terkandung di dalam Dasar Kaunseling dan Psikologi KPM.

Inisiatif-inisiatif yang akan dijalankan di bawah Pelan Operasi Latihan Kaunselor Pendidikan KPM seperti berikut:

**1. Pelan Pembangunan Kompetensi Fungsional Kaunselor Pendidikan**

***Strategi 1 : Kompetensi Fungsional Kaunselor Pendidikan***

Membangun tahap keilmuan dan kepakaran khusus bidang kaunseling dan psikologi melalui peningkatan ilmu pengetahuan, kemahiran dan kepakaran dalam bidang kaunseling psikologi untuk memperkasakan kaunselor pendidikan dan pegawai psikologi KPM.

*tahap keilmuan – ilmu asas sehingga kepakaran.*

***Strategi 2 : Kepakaran Bidang Khusus (SME) Kaunseling dan Psikologi***

Menyediakan laluan kepakaran bidang khusus (SME) Kaunseling dan Psikologi kepada kaunselor pendidikan yang telah melepasi tahap penilaian umum dan khusus bagi kepakaran dalam bidang psikometrik, kaunseling dan tingkah laku organisasi.

**2. Pelan *Continious Proffesional Development (Cpd)*, Amalan Pembelajaran Berterusan Kaunselor Pendidikan Dan Pegawai Psikologi KPM.**

***Strategi : Pengetahuan dan kemahiran dalam pendekatan kaunseling psikologi.***

Mendorong dan mengekalkan minat serta komitmen kaunselor pendidikan dan pegawai psikologi dalam profesion kaunseling psikologi dengan memberikan peluang seluasnya untuk mengekal dan menjamin kualiti profesionalisme pengamal kaunseling psikologi KPM.

**3. Pelan Peningkatan Ilmu Kaunselor Melalui Pensijilan/ Perakuan**

***Strategi 1 : Kemahiran lanjutan pendekatan kaunseling psikologi.***

Menyediakan ruang kepada kaunselor pendidikan merancang kemajuan sendiri mengikut laluan kerjaya baharu. Kemahiran lanjutan diperlukan bagi mengukuhkan keupayaan kaunselor pendidikan dalam melaksanakan

perkhidmatan kaunseling dan membolehkan mereka memperoleh sijil yang diiktiraf sebagai pengamal.

***Strategi 2 : Pembangunan kejurulatihan kaunseling psikologi.***

Menyediakan ruang kepada kaunselor pendidikan untuk menjadi jurulatih utama kemahiran khusus. Ia juga bertujuan untuk memantapkan dan mengukuhkan keupayaan kaunselor pendidikan/pegawai psikologi secara berterusan selaras dengan keperluan dan cabaran-cabaran semasa ke arah membolehkan kaunselor pendidikan mendapat sijil yang diiktiraf dan diperaku. Kumpulan jurulatih ini akan menjadi pelatih kepada kaunselor-kaunselor yang baharu.

**4. Pelan Pembangunan Kompetensi Generik Kaunselor Pendidikan**

***Strategi 1: Kompetensi ganerik kaunselor pendidikan kumpulan pengurusan dan pentadbiran.***

Memberi ruang dan peluang kepada kaunselor pendidikan yang berkelayakan memegang jawatan pentadbiran untuk meningkatkan kompetensi dalam bidang pengurusan dan pentadbiran agar berupaya mengurus dan memimpin organisasi. Keutamaan diberi kepada kaunselor yang sedang memegang jawatan di bahagian, sektor atau unit.

***Strategi 2: Kompetensi generik kaunselor pendidikan dan pegawai psikologi.***

Menyediakan ruang dan peluang kepada Kaunselor Pendidikan / Pegawai Psikologi agar dapat memberi perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan dalam sistem penyampaian bagi meningkatkan tahap kepuasan pelanggan.